



## SIARAN AKHBAR

### MESYUARAT JAWATANKUASA SISTEM PEMBAYARAN DAN PENYELESAIAN KE-13

Hari Khamis, 23 Jamadilawal 1437 bersamaan dengan 3 Mac 2016

Rizqun International Hotel, Brunei Darussalam

---

1. Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), pada hari ini, Hari Khamis, 23 Jamadilawal 1437 bersamaan dengan 2 Mac 2016, telah menjadi tuan rumah kepada Mesyuarat Jawatankuasa Sistem Pembayaran dan Penyelesaian (WC-PSS) ke-13, yang telah diadakan di Rizqun International Hotel, Brunei Darussalam.
2. Penubuhan WC-PSS ini telah diluluskan pada Mesyuarat Gabenor Bank Pusat ASEAN pada bulan April 2010 di Vietnam, dengan visinya- "Pembayaran ASEAN yang menuju kepada memupuk sistem pembayaran dan penyelesaian yang bersepadu, selamat, dan berkesan di rantau ini bagi membolehkan perniagaan dan individu untuk membuat atau menerima pembayaran elektronik rentas sempadan dengan lebih mudah". WC-PSS bersidang sekurang-kurangnya dua kali setahun, untuk menyelaraskan usaha-usaha dalam mencapai wawasan ini.
3. WC-PSS ini bertujuan untuk mempertingkatkan infrastruktur pembayaran domestik, menggalakkan perkhidmatan pembayaran rentas sempadan yang lebih cekap daripada perkhidmatan yang sedia ada, dan seterusnya mempertingkatkan lagi integrasi system-sistem di rantau ini. Pada tahun ini, WC-PSS akan memberi tumpuan kepada tiga jawatankuasa kerja, iaitu, perhubungan dan *interoperability* sistem pembayaran, pengharmonian dasar dan piawaian, dan penyelesaian pasaran modal rentas sempadan.
4. Mesyuarat, yang pertama kali diadakan di Negara Brunei Darussalam sejak penubuhan WC-PSS ini, telah dihadiri oleh kesemua ahli negara-negara ASEAN.

#### **Autoriti Monetari Brunei Darussalam**

Tarikh: 23 Jamadilawal 1437/ 3 Mac 2016

Rujukan: AMBD/COMMS/2016/3